

KESATUAN PEGAWAI - PEGAWAI RENDAH
LEMBAGA LETRIK NEGARA
TANAH MELAYU



THE NATIONAL ELECTRICITY BOARD
JUNIOR OFFICERS' UNION
STATES OF MALAYA

Laporan Duatahunan Yang Kelima

Tempoh 1hb April, 1984
hingga 31hb Mac, 1986

5th BIENNIAL REPORT
FOR PERIOD
1st APRIL, 1984 TO
31st MARCH, 1986

*dengan ingatan tulus iklas
dari*

**YANG DI PERTUA dan MAJLIS KERJA
KESATUAN PEGAWAI - PEGAWAI RENDAH LEMBAGA LETRIK NEGARA**

KESATUAN PEGAWAI PEGAWAI RENDAH
LEMBAGA LETRIK NEGARA
TANAH MELAYU



LAPURAN UNTUK JANGKAMASA
1 APRIL, 1984 HINGGA 31 MAC, 1986

ISI KANDUNGAN

	<i>Muka Surat</i>
1. Ajenda	2
2. Senarai Ahli Jawatankuasa Utama dan Ahli-Ahli Majlis Kerja	3 — 5
3. Lapuran Dua Tahun Sekali	6 — 30
4. Minit-Minit Persidangan Yang Lalu	31 — 54
5. Kewangan	55 — 76
6. Lampiran (Kertas Kerja)	77 — 78
7. Lampiran (Bekalan Pakaian Seragam)	79 — 89
8. Lampiran (Prestasi Kakitangan Dan Nilaian Keupayaan)	90 — 100
9. Lampiran (Perlombagaan DJC LLN)	101 — 111
10. Lampiran (Perkhidman Awam Antarabangsa)	112 — 124
11. Lampiran (Bouquet or Brick-Bat?)	125 — 126

KESATUAN PEGAWAI PEGAWAI RENDAH LEMBAGA LETRIK NEGARA

PERSIDANGAN PERWAKILAN DUATAHUNAN KELIMA

Dengan ini NOTIS adalah diberi bahawa Persidangan Perwakilan Duatahunan Kelima akan diadakan pada hari Khamis, 25hb. September, 1986 di Hotel South East Asia, Jalan Haji Hussain, Kuala Lumpur.

AJENDA

MAJLIS PEMBUKAAN 9.00 pagi

- (1) Ucapan oleh Presiden Encik A. Ambikaipaker.
- (2) Ucapan dan Perasmian Persidangan oleh Y.B. Dato' Mohd. Jalaluddin bin Zainuddin, Timbalan Pengurus dan Pengurus Besar, Lembaga Letrik Negara.
- (3) Jamuan Teh.

SESSI URUSAN

- (1) Penerimaan Peratoran Tetap (Standing Orders) Persidangan.
- (2) Melantik Jawatan Kuasa Peratoran Tetap & Tauliah (Credentials).
- (3) Melantik Pengira Undi dan 'Tellers'.
- (4) Membaca dan Mengesahkan Minit-minit Persidangan Perwakilan Duatahunan Keempat (Mesyuarat ke 31) yang telah diadakan pada 6hb. Oktober, 1984.
- (5) Menerima dan mengesahkan Lapuran Duatahunan dan Penyata Akaun untuk tahun berakhir 31hb. Mac, 1985 dan 31hb. Mac, 1986.
- (6) Menerima dan mengesahkan Belanjawan untuk tahun berakhir 31hb. Mac, 1986 dan 31hb. Mac, 1987.
- (7) Pemilihan Ahli Jawatan Kuasa Utama 1986/1988.
- (8) Melantik dua orang Juru Audit Dalam.
- (9) Meluluskan Pembayaran 'Honorarium'. (Kertas 1).
- (10) Menimbangkan Perlantikan (a) Penimbangtara (Arbitrators) dan (b) Pemegang Amanah (Trustees). (Kertas 2)
- (11) Menimbangkan Pindaan Peratoran 12(8). (Kertas 3).
- (12) Menimbangkan 'Items dan Resolusi'.

(P. JARNAIL SINGH)
Setiausaha Kehormat.

**NATIONAL ELECTRICITY BOARD
JUNIOR OFFICERS' UNION**

PEGAWAI PEGAWAI UTAMA

1. A. Ambikaipaker	Yang Di Pertua
2. Zainal bin Omar	Naib Yang Di Pertua
3. P. Jarnail Singh	Setiausaha Agung
4. Ahmad Zaki Rashid	Penolong Setiausaha Agung
5. Lim Jit Soon	Bendahari
6. Md. Nor bin Jantan	Penolong Bendahari

AHLI-AHLI MAJLIS KERJA

1. Kamaluddin bin Ali Baba	Kangar
2. M. Perpagaran	Alor Setar
3. Wan Azizan bin Wan Ibrahim (hingga 31-1-1986)	Alor Setar
4. Izhan bin Halim	Alor Setar
(dari 31-1-1986)	
5. Adrian C. Luis	Sungai Petani
6. Abidin bin Ariffin	Sungai Petani
(hingga 31-3-1985)	
7. M. Y. Pergasam @ Safri .. Abdullah	Butterworth
8. K. Thevarajah	Butterworth
9. Mohd. Salleh bin Md. Yusof	Butterworth
10. Teoi Kee Seng	Butterworth
11. Suhaimi bin Mahmood ..	Butterworth
12. Ismail bin Hussin ..	Pulau Pinang
13. Lawrence Ng Tien Ming ..	Pulau Pinang
14. Ismail bin Hamzah ..	Pulau Pinang
15. Ismail bin Gulam Rasul ..	Taiping
16. Chian Eng Lock	Taiping
17. S. Balakrishnan	Ipoh
18. Liew Ham Yuen	Ipoh
19. Lourdes Mohanadass ..	Ipoh
20. R. Balagopal	Ipoh

21.	Muhamad bin Arshad	..	Ipoh
22.	A. Sinnadurai	Teluk Intan
23.	Abdul Ghani bin Yusoff	..	Kota Bharu
24.	S. Sreedharan @ Asree Abdullah	..	Kota Bharu
25.	Sulaiman bin Rahim	..	Kota Bharu
26.	Wan Rosli bin Wan Mat	..	Kota Bharu
27.	S. Navaratnam	..	Kuala Terengganu
28.	Aris bin Ismail	..	Kuala Terengganu
29.	Md. Nadzri bin Idris	..	Kuantan
30.	Osman bin Ahmad	..	Kuantan
31.	Foo Yee Tiang	..	Raub
32.	Jalaludin bin Ali	..	Mentakab
33.	Md. Ibrahim b. Md. Osman		Johor Bahru
34.	Vergis Lazar	..	Johor Bahru
35.	A. Sathasivam	..	Johor Bahru
36.	Mohd. Shukor bin Abas	..	Kluang
37.	Alwi bin Abu Bakar	..	Kluang
38.	Abdul Rashid b. Abdullah	..	Batu Pahat
39.	A. Somu	..	Batu Pahat
40.	Abdul Mutalib b. A. Rahman		Muar
41.	M. Suppiah	..	Muar
42.	Omar bin Bacik	..	Melaka
43.	T. Francis Rajagopal	..	Melaka
44.	C. Rajanaransamy	..	Melaka
45.	J. Bulbir Singh	..	Seremban
46.	Abdullah bin Shariff	..	Seremban
47.	Abdullah bin Sulaiman	..	Seremban
48.	Abraham Chacko	..	Port Dickson
49.	Ibrahim bin Mohamad	..	Kajang
50.	Shamsul Bahrin b. Ibrahim		ILSAS
51.	Ismail bin Baba	..	ILSAS
52.	Mubarak bin Hamid	..	Klang
53.	Bajuri bin Yunus	..	Klang

54.	Mahadam b. Sudirman	..	Klang
55.	Mool Ngow Thoy	..	Petaling Jaya
56.	Hoe Woon Lin	..	Petaling Jaya
57.	Ramly b. Othman	..	Jalan T. Abd. Rahman
58.	R. S. Subramaniam	..	Jalan T. Abd. Rahman
59.	Syed Mohd. Han	..	Jalan T. Abd. Rahman
60.	S. Palanysamy	..	Jalan T. Abd. Rahman
61.	Sahar Adnan	..	Bangsar
62.	Mohd. Sharif b. Hassan	..	Bangsar
63.	S. Dharmalingam	..	Bangsar
64.	S. Ponnan	..	Bangsar
65.	Md. Ismail b. Abd. Rahman	..	Ibu Pejabat
66.	Yap Yew Sin	..	Ibu Pejabat
67.	Jaswant Singh	..	Ibu Pejabat
68.	Yip Kok Cheong	..	Ibu Pejabat
69.	Amar Singh	..	Ibu Pejabat
70.	K. Ravindran	..	Ibu Pejabat
71.	Mohd. Zamri b. Md. Yassin	..	Ibu Pejabat
72.	Mokhtar Rudin b. Aziz	..	Ibu Pejabat
73.	Hang Tuah b. Raja Iskandar	..	Ibu Pejabat
74.	Ridzwan Md. Nasib	..	Ibu Pejabat
75.	Ng Tuck Kong	..	Ibu Pejabat
76.	Puan Pat K. C. Yip	..	Ibu Pejabat

KESATUAN PEGAWAI PEGAWAI RENDAH LEMBAGA LETRIK NEGARA

PENDAHULUAN

Bagi Pihak Majlis Jawatankuasa Kerja, saya sukcita mengemukakan Lapuran Dua Tahunan Sekali yang meliputi tempoh 1hb. April 1984 hingga 31hb. Mac 1986 berserta dengan Penyata Penyata Akaun yang telah diaudit bagi tempoh yang sama untuk diluluskan.

Dalam mengemukakan lapuran ini, kami ingin membawa kepada pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan bahawa segala usaha telah diambil untuk meliputi semua aspek aktiviti kami.

Tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kami oleh Majlis Perwakilan Dua Tahun sekali yang keempat samada dalam bentuk usul atau sebaliknya telah dilaksanakan dengan sesungguh-sungguhnya dan perkara-perkara harian telah diambil tindakan dengan secepat yang boleh.

2. Keahlian

Dengan berakhirnya tempoh yang berkenaan iaitu, 1-4-1984 hingga 31-3-1986, kesatuan anda kini telah berusia 37 tahun dengan jumlah bilangan keahlian sebanyak 3968.

Pecahan Ahli-Ahli kesatuan mengikut kaun setakat 31-3-1986 seperti berikut:-

		Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	1684	745	2429
Cina	367	242	609
India	674	182	856
Lain-Lain	46	28	74
		<hr/>	<hr/>	<hr/>
Jumlah Besar	2771	1197	3968

Jumlah bilangan keahlian itu merupakan 70% daripada semua yang layak memasuki kesatuan dan ini menunjukkan penurunan tahap keahlian sebanyak 10% berbanding dengan tahun 1984. Kedudukan bilangan keahlian amatlah mendukacitakan ini disebabkan pegawai-pegawai diperingkat cawangan tidak berfungsi

sepenuhnya dan tidak bersungguh-sungguh menjalankan kempen untuk menarik mereka yang bukan ahli khususnya pekerja-pekerja baru. Adalah diharapkan supaya pegawai-pegawai di peringkat cawangan berusaha ke arah ini dan adalah menjadi tanggungjawab bersama anda untuk menarik minat mereka yang belum menjadi ahli supaya menjadi keahlian kesatuan.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja

Jawatankuasa Kerja yang dianggotai oleh Pegawai-Pegawai Utama telah bermesyuarat secara rasmi sebanyak 11 kali dalam tempoh yang berkenaan.

Telah menjadi suatu corak dan amalan bagi Jawatankuasa ini memanggil mesyuarat terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat-mesyuarat Majlis Kerja dan Majlis Bersama Jabatan. Ini dibuat untuk mendapatkan butir-butir terakhir dan muktamat mengenai mesyuarat yang akan diadakan. Tambahan dengan itu Jawatankuasa ini juga bertemu apabila diperlukan berdasarkan kepada isu-isu yang telah dirujuk kepada Pegawai-Pegawai Utama samada dari Ahli-Ahli atau Cawangan-Cawangan dan apabila isu-isu baru timbul dari pihak pengurusan.

4. KPPR LLN dan P.S.I.

Kesatuan kita terus bergabung dengan Perkhidmatan Awam Antarabangsa yang lebih dikenali dengan P.S.I. Kesatuan antara-bangsa ini beribu pejabat di Geneva dan mempunyai 225 ahli gabungan dari 75 negeri.

Kongress P.S.I. yang Ke 23 telah diadakan di Hotel Hilton, Caracas, Venezuela pada 25-11-1985 hingga 29-11-1985.

5. Tabung Khairat Kematian – Lembaga Pengarah

KPPR diwakili oleh En. P. Jarnail Singh dan En. Lim Jit Soon iaitu Setiausaha Agung dan Bendahari berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah sebagai wakil-wakil kesatuan.

6. Masalah Individu

Semasa dalam tempoh kajian terdapat 39 masalah individu yang timbul untuk diambil tindakan dengan pihak Pengurusan dan sukacita melapurkan bahawa hampir kesemuanya telah dapat diselesaikan kecuali kes-kes bawah Akta Tatatertib dalam rayuan.

Berikut ialah sebahagian dari masalah yang telah dilapurkan kepada Setiausaha untuk tindakan:—

- | | |
|---|-----------------|
| (i) 14 Pengecualian dari Peperiksaan
Perkeranian Lembaga | (Selesai) |
| (ii) 6 kes-kes pinjaman perumahan | (Selesai) |
| (iii) 5 kes-kes tuntutan perubatan | (Selesai) |
| (iv) 3 kes-kes menurunkan gred jawatan | (Selesai) |
| (v) 5 kes-kes penahanan gaji akibat dari
tindakan disiplin | (Belum Selesai) |
| (vi) 6 kes-kes tuntutan perjalanan (- 2/3) | (Dalam Kajian) |

7. Mesyuarat Ahli-Ahli Majlis Eksekutif

Ahli-Ahli Majlis Eksekutif telah bersidang sebanyak tiga kali dalam tempoh tersebut untuk menguruskan urusan biasa iaitu untuk membincangkan dan memutuskan tindakan yang sewajarnya ke atas isu-isu yang belum diselesaikan dan juga masalah semasa.

Butir-butir isu yang berkenaan dibentang di dalam lapuran ini dan adalah diharapkan supaya ahli-ahli menyemak dengan teliti untuk mengatasi masalah yang disebarluaskan melalui khabar-khabar angin. Dalam hal yang demikian adalah dianggap perlu bahawa setengah-setengah isu yang penting hendaklah diutarakan dalam lapuran ini.

Perlu dinyatakan di sini mesyuarat Jawatankuasa Kerja ini tidak dapat diadakan mengikut jadual iaitu 3 bulan sekali disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh Kesatuan yang mananya yuran ahli-ahli \$1.00 sebulan itu tidak dapat menampung perbelanjaan yang begitu banyak setiap kali mesyuarat diadakan.

7A. MESYUARAT AHLI-AHLI MAJLIS EKSEKUTIF

AGENDA

1. Pengendali Mesin Addressograph – Tuntutan Anomali (B. 316/83)
2. Penyelenggara Stor Rendah – Tuntutan Anomali (B. 394/82)
3. Membincangkan Peranan dan fungsi Pegawai Kerja Kanan dan Pembantu Pejabat di Daerah dan Stesen.
4. Pembaharuan perjanjian dengan M/S Great Eastern Life Assurance Co.
5. Lapuran MSD dan deraf Memorandum tuntutan gaji kakitangan Bacaan Jangka.
6. Membincangkan bayaran yuran gabungan MTUC.
7. Membincangkan bayaran yuran gabungan kepada NJC.
8. Membincangkan perletakan jawatan Penolong Bondahari.
9. Penubuhan DJC di Daerah Kuala Lumpur (Ibu Pejabat – Bangsar – Jalan TAR)
10. Masalah yang dihadapi oleh IRO.
11. Seminar JOU di Melaka.
12. Program Pelajaran JOU.
13. Pakaian Seragam Pembaca Jangka 1984.
14. Membayar Semula Elaun Perumahan.
15. Tuntutan Elaun Perumahan bagi pemindahan.
16. Membincangkan kaedah kenaikan pangkat, naik Gred – turun Gred serta mengisi kekosongan jawatan yang dibuat oleh Pejabat Kakitangan.
17. Membincangkan surat menyurat sulit dengan Pengurusan – Cawangan Pulau Pinang.
18. Membincang Lapuran Sulit Kumpulan kakitangan B, C & D.
19. Membincangkan polisi pengambilan dalam LLN bagi pegawai yang sedang berkhidmat (POB):–
 - (a) Pembaca Jangka.
 - (b) Kerani.
 - (c) Penyelenggara Setor/Penyelenggara Setor Rendah.
 - (d) Juruprogram.
 - (e) Pegawai Kerja Akaun.

20. Membincangkan jawatan-jawatan kosong yang tidak diisi berikutan dengan kenaikan pangkat (POB).
21. Menyemak senarai menunggu bagi kenaikan pangkat – Tarikh temuduga dan keputusan dikeluarkan (POB).
22. Bayaran 5% Elaun Perumahan sementara m.d. 1-1-1978 serentak dengan peristiwaran Jawatan Penting (POB).
23. Membincangkan Skim Perkhimat Baru di LLN.
24. Membincangkan Lapuran Sulit Kakitangan – mata sekatan (Cut off point) (POB).
25. Membincangkan isu kenyataan akhbar STAR, Isnin 25-2-1985 di bawah tajuk “5 buah Stesen Janaelektrik ditutup Tahun Hadapan” (POB).
26. Surat Setiausaha Agung kepada Ahli-Ahli di Johor Bharu.
27. Memohon kepada Lembaga untuk menaikkan kadar tuntutan kilometer (Cawangan BUT).
28. Memohon kepada Lembaga untuk membayar Pembaca Jangka elaun hitungan km tetap sebanyak \$36.00 sebagai tambahan kepada tuntutan perjalanan biasa (Cwg. Klang).
29. Memohon kepada Lembaga supaya memberikan pinjaman membeli kereta dan Elaun tuntutan km Kelas C kepada Pembaca Jangka yang berumur 40 tahun ke atas (Cwg. BUT).
30. Menyemak memorandum yang diluluskan oleh Exco mengenai penyemakan tanggagaji Pembaca Jangka.
31. Membincangkan mengenai pemakaian pakaian seragam dan kasut berkuatkuasa 15-3-1986.
32. Memohon kepada Lembaga supaya meluluskan pemberian pinjaman membeli kereta kepada Pembaca Jangka dan seperti yang diberikan kepada JTA.
33. Memberikan taklimat atas item-item yang dibincangkan di MBJ.
34. Membincangkan pembayaran elaun kepada Ahli-Ahli Majlis Exsekutif (Exco) (Cwg. BUT – Kangar).
35. Melantik wakil kawasan ke Mesyuarat MBJ (POB):–
 - (i) Kawasan Timur — RAU ke KBU
 - (ii) Kawasan Utara — TEL ke ALS/IPOH
 - (iii) Kawasan Selatan — SBN ke BPT/JBU

36. Borang-borang L & U yang tidak diterima dari cawangan seperti berikut:-
 - (i) Pulau Pinang
 - (ii) Mentakab
 - (iii) Batu Pahat
37. Perlaksanaan Peraturan Tatatertib.
38. Perlantikan Pemegang Amanah Kesatuan.
39. Membincangkan perkara mengenai PERKESO (SOSCO) – (Cwg. Kangar).
40. Membincangkan tindakan disiplin ke atas G. Mahinder Singh.
41. Membincangkan cadangan tindakan ke atas ahli-ahli di Cawangan Muar (MUR).
42. Membincangkan minit-minit mesyuarat MBJ tempatan.
43. Membincangkan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.
44. Pemboikotan Pakaian Seragam.
45. Membincangkan kedudukan perkara-perkara yang tidak diselesaikan oleh Badan Pengurusan.
46. Membincangkan tentang kelewatan pembayaran elaun-elaun makan dan tuntutan hitungan km.
47. Perlantikan ahli-ahli pengganti untuk menandatangani cek-cek KPPR.
48. Resolusi mengutip iklan untuk menganjurkan seminar.

8. Finance

Financial Year 1-4-1984 – 31-3-1985.

The Expenditure for the year ending 31st March 1985 amounted to \$72,977.24 and the Income amounted to \$63,837.39 resulting in excess of expenditure over income by \$9,139.85. A lot of funds was expended this year due to holding of election for officials at branch level and Principal Office Bearers.

Financial Year 1-4-1985 – 31-3-1986.

The Expenditure for the year ending 31st March 1986 amounted to \$51,648.39 and the income amounted to \$73,774.66 resulting in an excess of income over expenditure by \$22,126.27. This includes an amount of \$2,295.46 derived from excess of

income over expenditure for advertisements received in respect of souvenir programme printed for holding of P.S.I. World Conferance Seminar at Kilat Club Conference Hall, Kuala Lumpur. Due to strict control and frugal expending of funds by your officials our accumulated fund has increased by \$22,126.27 to \$136,108.97. Our fixed deposits with the United Asian Bank are \$120,000.00 at 9.25% interest for 2 years and \$50,000.00 at 7.25% interest on month to month basis. The Union also holds 5,000 Bank Buruh ordinary shares at a value of \$1.00 each. This \$50,000.00 placed on short term deposit is for meeting contingencies such as honorarium, affiliation fees – N.J.C., biennial delegates conference expenses and biennial report.

9. Penyertaan Kaum Wanita Dalam Aktiviti-Aktiviti Kesatuan Sekerja

Seramai 1197 ahli kesatuan ini terdiri dari kaum wanita, iaitu melebihi 30% dari jumlah keahliannya. Walaupun demikian gulungan ini adalah kurang berminat dan aktif dalam kesatuan. Kami merayu supaya mereka tampil ke hadapan untuk mengambil peranan yang lebih aktif, paling tidak dengan menjadi ahli jawatan-kuasa cawangan dan ahli Majlis Kerja.

MTUC ada mengelolakan Seminar-Seminar untuk memberi peransang kepada kaum wanita supaya memainkan peranan yang lebih cergas dalam aktiviti-aktiviti Kesatuan.

Satu Seminar sedemikian bertajuk "Hak untuk pekerjaan sepenuhnya" telah diadakan sempena menyambut hari Wanita Antarabangsa pada 17 dan 18 Mac 1986 di Bangunan MTUC.

Peserta dari KPPR ialah Puan Patricia Mak Oon Kin, Puan Darly Christ Dhas dan Puan Fauziah Alias.

Pada 1-3-1986, Bahagian Wanita MTUC telah mengelolakan suatu Majlis Makan Malam bagi meraikan Dr. P. P. Narayanan President MTUC yang bersara dan isterinya. Seramai lima ahli wanita kita telah menyertai majlis ini bagi pihak KPPR. LLN.

10. Lapuran MSD – Waktu Piawaian Untuk Pembaca Jangka

ARAHAN BUKAN TEKNIK BIL. 371

Berbagai isu telah timbul dan berbangkit akibat perlaksanaan Lapuran Jabatan Perkhidmatan dan Kemajuan Pengurusan (MSD) mengenai waktu piawaian membaca jangka.

Antara beberapa perkara yang sering diperbincangkan adalah seperti berikut:—

- (a) Ukuran waktu piawaian.
- (b) Waktu piawaian untuk Pembaca Jangka:—
 - (i) Normal;
 - (ii) Pengguna Projek BELB.
- (c) Waktu Piawaian Tempatan dan Kebangsaan.
- (d) Perkembangan selanjutnya berhubung dengan waktu piawaian.
- (e) Penjelasan pengguna dalam hubungan waktu piawaian umpamanya Rumah Banglo, Rumah Kampung, Apartment, pejabat dsd.

Pihak Kesatuan merasa dukacita kerana badan pengurusan tidak menepati janji untuk mengkaji semua isu-isu tersebut selaras dengan perubahan masa dan keadaan. Pihak Kesatuan sering berkehendakkan dialog dengan pihak MSD bagi membahaskan isu-isu itu tetapi reaksi badan pengurusan tidak menggalakkan.

Walaupun Lapuran MSD mengenai waktu piawaian pembacaan jangka itu telah dilaksanakan pihak Kesatuan mendapati ianya tidak dapat diperaktikkan di seluruh negara.

Beberapa syor telah dikemukakan oleh Kesatuan supaya penetapan waktu piawaian itu hendaklah mengikut keadaan kawasan yang berkenaan.

Antaranya ialah:—

- (a) Memandangkan kebanyakan rumah-rumah dipasang dengan dua jangka, dengan adanya dua jangka tersebut masa pembacaan patut ditambah.
- (b) Memandangkan kini rumah kedai dan Kelinik adalah dalam satu kawasan perumahan, ini menyebabkan waktu piawaian bacaan jangka untuk kedua-dua “premises” itu hendaklah diselaraskan. Kesatuan juga mengemukakan

masalah mengenai membaca jangka di rumah pangsa / rumah bertingkat-tingkat di mana jangka dipasang mengikut tingkat dan berpendapat masa yang lebih untuk membaca patut diberi.

- (c) Memandangkan sekarang di kampung-kampung juga terdapat rumah banglo, pihak kesatuan meminta supaya waktu piawaian pembacaan untuk rumah kampung hendaklah diselaraskan dengan waktu yang telah ditetapkan untuk bacaan rumah banglo.
- (d) Pihak Kesatuan juga mahukan supaya waktu piawaian pembacaan untuk rumah kembar hendaklah disemakan mengikut waktu piawaian pembacaan yang telah ditetapkan untuk rumah banglo. Ini perlu dibuat disebabkan kedudukan kedua jenis rumah itu terletak pada jalan yang sama.

Selain daripada itu pihak kesatuan telah mengemukakan beberapa rungutan berikut dengan perlaksanaan lapuran MSD tersebut seperti berikut:-

(a) Menyetik Kad Perakam waktu bagi Pembaca Jangka

Pihak Kesatuan menyatakan terdapat beberapa kekeliruan pentafsiran mengenai isu di atas di antara pihak Audit dan Pengurus-Pengurus Daerah. Contohnya Pembaca jangka yang dikehendaki bekerja lebihmasa selama 4 jam sehari telah diarahkan oleh pihak Audit supaya menyetik kad perakam waktu mereka pada pukul 7.15 petang (sedangkan mereka telah menyelesaikan kerja-kerja mereka sebelum 4.15 petang) sebagai bukti kerja lebihmasa yang telah dilakukan. Pihak Kesatuan berpendapat arahan itu tidak lojik memandangkan segala bukti kerja lebihmasa itu boleh didapati dari "work sheet" Pembaca-Pembaca Jangka berkenaan.

(b) Kedudukan Jangka Pengguna

Pihak Kesatuan meminta supaya MSD mengkaji bagaimana hendak memberi ganjaran kepada Pembaca-Pembaca Jangka yang menghadapi masalah ini memandangkan kebanyakan rumah di bandar-bandar besar mempunyai jangka di dalam rumah di mana banyak masa telah terbuang menunggu untuk masuk. Akan tetapi, masa menunggu ini tidak diambilkira oleh pihak MSD.

(c) Pengguna yang jaraknya melebihi 32 km

Pihak Kesatuan meminta kebenaran Pembaca-Pembaca Jangka yang keluar membaca jangka lebih daripada 32 km supaya berihat kira 15 hingga 20 minit, sebelum meneruskan bacaan dan ia telah dipersetujui oleh badan pengurusan.

(d) Pembacaan Jangka pada hari Jumaat

Pihak Kesatuan merujuk kepada surat pekeliling dari MSD yang mana telah mengarahkan pejabat-pejabat pengguna supaya menentukan Pembaca-Pembaca Jangka Islam membaca jangka di kawasan bandar sahaja pada hari Jumaat. Langkah arahan MSD itu adalah bertujuan untuk mengelakkan Pembaca-Pembaca Jangka daripada menuntut elaun makan/elaun lebihmasa apabila mereka menunaikan sembahyang Jumaat.

Pihak Kesatuan menegaskan bahawa pekerja tersebut akan memulakan tugas mereka selepas sembahyang. Bahkan berasaskan ke atas "Work Sheet" mereka dapat membuktikan bahawa mereka telah bekerja lebihmasa dan dengan itu elaun lebihmasa hendaklah dibayar kepada mereka.

(e) Masa perjalanan bagi Pembaca Jangka yang tidak boleh menggunakan motosikal

Pihak Kesatuan memohon supaya memberikan sedikit kelebihan masa kepada Pembaca Jangka yang tidak boleh menunggang motosikal ketika membuat pembacaan pertama memandangkan mereka terpaksa menaiki pengangkutan awam.

Berikutnya dengan perkara yang ditimbulkan oleh Kesatuan mengenai ketidakterurnya perlaksanaan Lapuran MSD itu beberapa sessi perbincangan dan mesyuarat telah diadakan di antara Pegawai-Pegawai Utama Kesatuan dengan badan pengurusan khususnya Jabatan Perkhidmatan Kemajuan Pengurusan.

Dalam pembincangan yang diadakan itu beberapa masalah dan aduan lain telah dikemukakan untuk mendapat klarifikasi dan keputusan sesuatu penetapan waktu piawaian tersebut.

Hasil dari rayuan, rungutan dan desakan kesatuan akhirnya Jabatan Perkhidmatan & Kemajuan Pengurusan menerusi kajian mengenai "masa pembacaan jangka" telah memutuskan dalam surat pekeliling bil. 1/5/24 Bhg. 111/43 yang diutarakan kepada semua Pengurus Kanan/Daerah bahawa masa pembacaan jangka yang ujud sekarang patut dibahagi kepada "masa untuk membaca jangka" sahaja dan "masa untuk perjalanan di antara premis".

"Masa pembacaan" yang gunakan sekarang ini termasuk "masa pembacaan" dan juga "masa perjalanan". Oleh kerana terdapat banyak perbezaan bagi "masa perjalanan" dari satu premis ke premis yang lain di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain maka dengan membahagikan masa kepada 2 bahagian itu akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Dengan peraturan baru itu apabila kes-kes sedemikian timbul dan sekiranya Pengurus-Pengurus Daerah berpendapat bahawa pihak kesatuan mempunyai kes-kes yang nyata, Jabatan berkenaan menyemak dan menentukan "masa perjalanan" yang sewajarnya oleh kerana "masa standard bagi pembacaan jangka" sudah memadai.

Satu formula telah dibentuk oleh Jabatan berkenaan seperti berikut:—

$$S = m + t$$

S = masa 'standard' yang ujud (existing "standard time")

m = masa 'standard' untuk pembacaan jangka sahaja ("Standard" time for meter reading only)

t = masa 'standard' untuk perjalanan antara satu premis ke satu premis sahaja.

("Standard" time for travelling between premises only)

Berikutnya dengan keluarnya surat pekeliling itu pegawai-pegawai kesatuan di peringkat cawangan diarahkan untuk membincangkan apa ju masalah yang timbul dengan pihak pengurusan tempatan berdasarkan formula dan arahan tersebut.

Dengan ini adalah dijangkakan masalah yang timbul tentang masa akan dapat diselesaikan.

11. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan dengan Pihak Pengurusan

Dalam tempoh di bawah kajian, Pegawai-Pegawai Utama bersama-sama wakil-wakil kawasan Utara, Selatan dan Timur berjumpa pihak Pengurusan sebanyak 3 kali untuk membincang dan berunding isu-isu yang luas dan amat penting yang melibatkan ahli-ahli. Sebagai tambahan, Pegawai-Pegawai Utama juga menemui Pengurus Besar berkenaan dengan kedudukan item-item yang masih belum diselesaikan pada 10-7-1985. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada 4-6-1985 terpaksa ditangguhkan disebabkan badan pengurusan gagal membuat keputusan di atas perkara-perkara yang telah dikemukakan sebelum itu. Pihak Kesatuan mendapati adalah tidak perlu untuk membin-cangkan ajenda-ajenda baru jika perkara yang lama masih belum diselesaikan.

Berikut ialah beberapa isu penting yang mana telah dibawa ke meja perundingan atau penjelasan dimana patut pada peringkat Majlis Bersama Jabatan.

1. Kenaikan pangkat tanpa temuduga untuk kakitangan bukan teknik dari Kumpulan B ke bawah – keputusan oleh Pengurus Besar.
2. Menubuhkan Lembaga Rayuan Kenaikan pangkat untuk Gred-gred yang diliputi oleh KPPR – menerima, menimbang dan memutuskan sebarang rayuan berkaitan kenai-kan pangkat.
3. Membincangkan tentang temuduga jawatan Pemeriksa Bacaan Jangka.
4. Membincangkan tempoh memangku jawatan untuk gred-gred dalam KPPR – tidak melebihi dari 6 bulan.
5. Membincangkan pembayaran pendahuluan persendirian kepada kakitangan Pembaca Jangka untuk membolehkan mereka membayar cukai jalan dan Insuran untuk kenderaan-kenderaan yang telah dibeli dengan pinjaman LLN bagi melaksanakan tugas-tugas mereka.
6. Membincangkan pengecualian Kertas Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Perkeranian LLN.
7. Membincangkan wang pusingan untuk membeli Mikro Komputer.

8. Membincangkan elaun perumahan sementara sebanyak 5%.
9. Membincangkan Penamaan Dewan Serbaguna LLN, Kuala Lumpur.
10. Membincangkan mengenai Jawatan Penting/Khas dan Pengelasan semula dan Sewaan Rumah Lembaga.
11. Membincangkan ujian bertulis untuk mengambil pembaca jangka yang diadakan pada 23-1-1984.
12. Membincangkan polisi perlantikan kakitangan PDE – Pengendali Komputer, Juruprogram dalam LLN.
13. Membincangkan tanggungjawab dan tugas Juruwang di Stesyen Besar – tekanan dan kelelahan kerja.
14. Membincangkan petugas dalam Kumpulan Odit Setor – penyertaan Penyelenggara Setor.
15. Membincangkan penukaran gred kakitangan – LLN.15/30/38569/106.
16. Membincangkan pengisian kekosongan jawatan – peruntukan 1984/85.
17. Membincangkan Dasar Lembaga atas pengambilan kakitangan dan Pegawai-Pegawai sedang berkhidmat.
18. Membincangkan pembayaran elaun “ex-gratia” kepada (4) pegawai-pegawai kanan yang diminta untuk menjalankan tugas-tugas Pengendali Mesin Akaun di pejabat Ketua Akauntan.
19. Membincangkan kelewatan melaksanakan skim-skim perkhidmatan yang baru dalam LLN.
20. Membincangkan cara-cara mengenai:
 - (i) “upgrading “dan” down-grading”.
 - (ii) Jawatan-Jawatan Pemangku.
 - (iii) Jawatan kosong diselenggarakan oleh Pejabat Kikitangan.
21. Membincangkan kelewatan mengkaji semula kes-kes rayuan mengenai kes-kes tatatertib oleh Jawatankuasa Perjawatan.
22. Membincangkan perkara penyelarasan gaji Pembaca Jangka dan Pemeriksa Bacaan Jangka.
23. Membincangkan Perlaksanaan “Laporan Sulit Baru”.
(Sila Lihat Lampiran)

24. Membincangkan mengenai perlaksanaan yang berat sebelah atas peraturan-peraturan Tatatertib.
25. Membincangkan peminjaman (secondment) Pegawai-Pegawai Kesatuan untuk menjalankan kerja-kerja pihak pekerja sepenuh masa.
26. Membincangkan mengenai kesatuan tidak menerima pekeliling-pekeliling LLN.
27. Meminta pihak Pengurusan menangguhkan dahulu periksaan perkeranian sehingga semua pekeliling-pekeliling dan manual-manual senang diperolehi dan dikemaskini. Ordinan Elektrik dan Undang-Undang Bekalan Lembaga dalam Bahasa Malaysia boleh didapati.
28. Meminta penerangan atas Arahan Bukan Teknik Bil. 392 bertarikh 13-2-85 – Pengistihan Harta.
29. Membincangkan pemberhentian Skim PERKESO dan pampasan pekerja bagi gred-gred diwakili oleh KPPR.
30. Membincangkan tentang skim pinjaman alat-alat elektrik keperluan untuk meningkatkan peruntukan kewangan pusingan (\$300,000) memandangkan terdapat 100% tambahan kakitangan semenjak 1968.
31. Meminta, penjelasan mengenai dasar lembaga mengenai perlantikan anak-anak pekerja Lembaga.
32. Membincangkan dasar menimbangkan pemberian perkhidmatan setia.
33. Membincangkan untuk memberi kenaikan gaji notional kepada kakitangan yang mengambil cuti tanpa gaji di-seberang laut yang menemani suami (kakitangan kerajaan) berkhidmat di Seberang Laut.
34. Membincangkan lapuran lawatan sangkut di beberapa buah firma di Negara Jepun.

12. PAKAIAN SERAGAM

Kelewatan pembekalan pakaian seragam merupakan isu tradisi yang telah lama diperbincangkan dan akhirnya satu ketetapan telah dibuat di Mesyuarat Ahli-Ahli Majlis Eksekutif pada 11 & 12-3-85 untuk mengambil tindakan memboikot pakaian seragam.

Tindakan pemboikotan pakaian seragam adalah berikut dengan kegagalan badan pengurusan membekalkan pakaian seragam sepenuhnya (Pakaian Seragam, Kasut, Baju 'T') dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu pada 1hb. Januari tiap-tiap tahun. Beberapa sesi dialog dan perbincangan telah diadakan dengan ahli-ahli berpakaian seragam (Pemeriksa Bacaan Jangka, Pembaca Jangka, Pelayan Pejabat, Atenden Lif dsb) untuk mendapatkan pandangan mereka. Pemboikotan ini meliputi semua kakitangan berpakaian seragam yang menggangotai KPPR.

Pada mulanya pemboikotan dijangka diadakan pada 15-3-85 akan tetapi atas permintaan badan pengurusan yang telah berjanji untuk membekalkan pakaian seragam dengan segera maka tarikh pemboikotan ditunda ke tarikh 1-6-1985, sikap tolakansur kesatuan telah tidak dihargai oleh badan pengurusan malah sehingga ke tarikh lanjutan tersebut badan pengurusan gagal menepati janji.

Pemboikotan pakaian seragam bermula pada hari Isnin 15 Julai 1985 dan terus berbuat demikian sehingga pembekalan pakaian seragam dibuat sepenuhnya. Sambutan dan sokongan ahli-ahli KPPR terhadap pemboikotan tersebut amatlah menggalakan.

Hampir 90% ahli-ahli berpakaian seragam KPPR dari 27 cawangan di seluruh semenanjung telah memboikot pamakaian pakaian seragam.

Seramai 9 ahli KPPR di mana 8 dari mereka terdiri daripada Pemeriksa Bacaan Jangka dan seorang Pembaca Jangka telah di beri surat tunjuksebab kerana didapati mengingkari tindakan pemboikotan pakaian seragam.

Serentak dengan itu pihak akhbar telah menyiarkan beberapa berita mengenai pemboikotan yang dijalankan dan ini telah mendapat reaksi daripada badan pengurusan sokongan orang ramai dan Presiden MTUC amat menggalakan.

Surat Pekeliling Setiausaha Agung kepada ahli-ahli pemboikotan pakalan seragam adalah seperti dilampirkan. (Muka 79).

13. Mengisi Kekosongan Jawatan Peruntukan 1984/85

KPPR telah beberapa kali, tahun demi tahun telah mendesak pihak Pengurusan untuk menyelaraskan perkara ini. Dalam tempoh masa dalam Kajian KPPR masih membuat desakan yang kuat mengenai perkara ini.

Yang mengecewakan ialah apabila perkara ini di bangkitkan barulah pihak pengurusan mengambil tindakan dan apabila kita tidak memperingatkan mereka atau mendesak mereka dengan kuat, Pegawai-Pegawai ini akan berdiam diri seolah-olah tidak ada apa yang berlaku.

Ingin saya nasihatkan ahli-ahli KPPR sebaik sahaja kekosongan terdapat di Jabatan tuan. Sila bawa perkara itu ke perhatian Kesatuan tuan kerana "bayi yang menangis sahaja yang akan mendapat susuan terlebih dahulu".

14. Jentera Perundingan (Tempatan)

Tidak semuanya yang baik di Majlis Bersama jabatan Peringkat tempatan. Ini berdasarkan kepada hakikatnya bahawa terdapat beberapa rungutan-rungutan perseorangan yang sepatutnya dapat diselesaikan di peringkat tempatan telah disalurkan ke peringkat kebangsaan. Pendek kata, ini jelas menunjukkan kurang keberkesanannya jentera-jentera dan pentadbiran di peringkat tempatan.

Memang difahami bahawa kebanyakan Pengurus-Pengurus Daerah ingin menjadikan kerusi mereka sehabis-habis selesa tetapi mencapai matalamat itu di atas kesusahan dan penyiksaan mereka yang kurang bernasib baik adalah suatu dosa yang besar dan tidak mungkin dilupakan di sepanjang hayat mereka yang menderita itu.

Di beberapa daerah, mesyuarat-mesyuarat jarang diadakan dan kebanyakannya hanya mengadakan mesyuarat apabila di-desak oleh cawangan dan setengahnya langsung tidak bermesyuarat jika pegawai-pegawai kesatuan cawangan itu juga turut berpuashati dan berdiam diri. Kepincangan ini adalah dipikul bersama oleh pegawai-pegawai cawangan. Lebih mengecewakan didapati bahawa pegawai-pegawai daerah dan cawangan tidak berpengetahuan tentang perjalanan majlis Bersama Jabatan L.L.N.

Untuk faedah semua yang berkenaan "Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan LLN" ada dicetak semula dalam Lapuran ini (sila lihat Lampiran).

15. Jentera Perundingan (Nasional)

Di masa yang lalu kami telah membuat Lapuran mengenai perhubungan baik antara pengurusan dan kesatuan. Kami juga dengan penuh kepercayaan menyarankan bahawa perundingan di peringkat kebangsaan telah dijalankan dalam suasana persahabatan dan penuh keyakinan.

Bagi tempoh dalam kajian, kami masih dapat mengekalkan perhubungan mesra di peringkat kebangsaan, iaitu semasa perundingan dijalankan. Hendaklah difahamkan bahawa perundingan dijalankan dengan cara yang profesional dengan membentangkan segala faktur-faktur dan perangkaan yang sehubungan dengannya. Kami merasa bangga menyatakan bahawa suasana ini jelas mencerminkan kedewasaan dan profesionalisma di kedua-dua belah pihak pengurusan dan pekerja.

Walaubagaimanapun, apa yang kurang menyenangkan ialah cara mana keputusan dibuat yang kadangkala terdapat kelewatan-kelewatan yang keterlaluan semasa membuat sebarang keputusan yang telah menyebabkan rasa hampa di pihak kami. Kehampaan ini bertokak-tambah apabila terdapat kelewatan selanjutnya dalam perlaksanaan keputusan-keputusan yang telah diambil selepas menjalani berbagai-bagi peringkat saluran perundingan. Kemungkinan jentera pihak pengurusan memerlukan kejutan yang kuat bagi menggerakan mereka dari keadaan yang bersenang dan puashati.

Dukacita dimaklumkan bahawa pemimpin Kesatuan terpaksa dalam beberapa ketika pergi mendapatkan pegawai-pegawai tertinggi pengurusan bagi mendapatkan perlaksanaan atas isu-isu yang telah dirundingkan dan keputusan telah diambil terlebih dahulu. Kami berpendapat bahawa birokrasi dan "red tape" adalah meningkat dalam pentadbiran LLN iaitu suatu trend yang berten-tangan dengan hasrat negara pada masa kini.

Kami harap dan berdoa supaya Pegawai-Pegawai Pengurusan akan lebih dinamik dan berinovatif dalam tindak-tanduk mereka dan dapat sedayaupaya mengurangkan birokrasi dan bertindak dengan lebih bijak dan segera kerana dalam hal ini sesuatu keputusan yang lewat akan membawa kepada ketidakadilan dan seterusnya menghancurkan terus kepercayaan dalam organisasi itu sendiri.

16. SEKIM FAEDAH INSURAN BERKELOMPOK KPPR. LLN

Simpanan Ahli-Ahli di bawah sekim ini dalam bentuk 'Jumlah Yang Dijamin' setakat 31hb. Mac, 1986 telah melebihi Enam Juta ringgit dan penyertaan Ahli-Ahli sangat menggalakkan. Pihak Kesatuan telah berunding dengan Syarikat Great Eastern dan telah berjaya untuk mendapatkan tambahan kepada faedah perlindungan serta penambahan yunit kepada 15 yunit seperti ternyata dalam jadual faedah berikut.

Pada pertengahan tahun 1985, pihak Kesatuan telah melancarkan semula Sekim ini di kawasan Perak (khusus untuk ahli-ahli kita yang baru dari Perak Haidero), Pulau Pinang, Butterworth dan Alor Setar dan di sebelah Selatan, pelancaran telah dibuat di Seremban, Melaka, Muar, Batu Pahat, Kluang dan Johor Bahru. Sambutan yang diterima daripada ahli-ahli sangat menggalakkan, samada penambahan yunit oleh ahli-ahli yang telah menyertai sekim ini ataupun dari pemegang-pemegang polisi baru. Sebanyak \$40,761.00 berupa simpanan telah terkumpul dalam pelancaran baru ini sejak Julai, 1985 sehingga April, 1986.

Keahlian

Bilangan ahli yang mencarum di bawah Sekim ini setakat 31-3-1986 ialah 1,056, 27% dari bilangan semua ahli.

Simpanan

Setakat 31-3-1986 simpanan terkumpul ahli-ahli berjumlah lebih 1.6 juta ringgit.

Faedah Kematian

Sebanyak 10 tuntutan telah dibuat terhadap faedah ini dalam jangkamasa lapuran seperti berikut:

- (a) Kematian kerana Kemalangan – 3 tuntutan
Jumlah bayaran \$30,963.42.
- (b) Kematian biasa – 7 tuntutan
Jumlah bayaran \$34,879.95.

Faedah Hospital

Terdapat 25 tuntutan dibuat berjumlah \$5,840.00.

Faedah Gigitan Anjing

Tuntutan berjumlah \$3,150 (\$150/- setiap satu) telah dibuat dalam tahun lapuran sejumlah 21 tuntutan.

Semasa lapuran ini sedang direncanakan, sebanyak 3 lagi tuntutan kematian (1 kematian kemalangan dan 2 kematian biasa) sedang diproses.

Pelancaran

Tempoh pelancaran terhadap sekim ini telah pun berakhir, namun demikian ahli-ahli masih boleh menyertai sekim ini tetapi mereka dikehendaki membuat pemeriksaan kesihatan. Mana-mana ahli yang berminat untuk memasuki sekim ini dikehendaki menghubungi Wakil-Wakil Kesatuan mereka masing-masing.

**RINGKASAN FAEDAH DIBAYAR UNTUK SIMPANAN
BULANAN \$75.00 (15 UNIT)**

AGE NEXT BIRTHDAY	Age 30		Age 40	
	Female	Male	Female	Male
(A) DEATH OR TOTAL AND PERMANENT DISABILITY DUE TO				
(1) NATURAL CAUSES				
Sum Assured (1)	17,400	17,115	10,500	10,305
Term Assurance Rider (2)	17,400	17,115	10,500	10,305
Total Payable	34,800	34,230	21,000	20,610
(2) ACCIDENTAL CAUSE				
Sum Assured (1)	17,400	17,115	10,500	10,305
Term Assurance Rider (2)	17,400	17,115	10,500	10,305
Personal Accident (3)	15,000	15,000	15,000	15,000
Total Payable	49,800	49,230	36,000	35,610
(B) On Maturity @ Age 55	44,520	43,770	18,600	18,270
(C) Total Contribution Paid at age 55	22,500	22,500	13,500	13,500

17. Seminar PSI/FES/CUEPACS

Satu Seminar anjuran bersama PSI/FES/CUEPACS mengenai "Kesatuan Sekerja dan Dasar Kerajaan" bertempat di Fraser Hill dari 10 hingga 13 Disember 1984 telah dihadiri oleh dua pegawai utama kesatuan iaitu En. Ahmad Zaki Rashid dan En. Mohd Nor Jantan.

Kertas kerja yang diberikan penekanan khusus di dalam seminar itu ialah mengenai tuntutan pelarasian gaji lima tahun sekali. Antara lain tajuk-tajuk ceramah yang berikan ialah:—

1. "Friedrich – Ebert – Shifting" oleh Sdr. Bernd Reddies, Wakil F.E.S.
2. Jentera Perundingan dan Hak Tawar oleh Sdr. Ahmad Nor, Presiden CUEPACS.
3. Matlamat dan Tujuan Penduduk 70,000,000.
4. Hak kebebasan Perhubungan Kesatuan Sekerja Sektor Awam dalam kontek Pelaksanaan konvensyen ILO.

5. CUEPACS dan peranannya sebagai Pusat Kebangsaan Kesatuan Sekerja.

Seminar yang berlangsung selama empat hari itu dirasmikan oleh En. William Lye, Timbalan Menteri Buruh Malaysia.

Peserta yang menghadiri Seminar tersebut terdiri dari Pegawai-Pegawai Utama Kesatuan.

**Seminar Mengenai Perkhidmatan Awam Dalam ASEAN
Perhubungan Dengan Negara Negara Membangun
3-11-1985 dan 4-11-1985**

K.P.P.R. LLN telah diberi penghormatan untuk menganjurkan seminar di atas oleh Kesatuan-Kesatuan Gabungan Perkhidmatan Awam Antarabangsa (P.S.I.) di Malaysia. Seramai 55 orang peserta dari beberapa Kesatuan Gabungan P.S.I. termasuk 25 peserta dari KPPR telah menghadiri Seminar ini.

Salah suatu tajuk perbincangan ialah "Cemuhan-cemuhan dan serangan terhadap kakitangan awam". Ahli-ahli panel terdiri dari pegawai-pegawai yang berikut:-

- | | |
|----------------------------|--|
| (1) Encik T. Narendran | - Bekas Presiden CUEPACS |
| (2) Encik Ibak Abu Hussein | - Tim. Pengurus Besar (Pentadbiran) LLN |
| (3) Encik Venugopal | - Tim. Ketua Pengarah MAMPU |
| (4) Encik K. Arichandran | - Bekas Presiden – Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya |
| (5) Encik G. Rajendran | - Presiden Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan, Hospital Universiti. |

Seminar telah dibuka dengan rasminya oleh Pengurus Besar LLN, Dato' Mohd. Jalaluddin bin Zainuddin.

Yang Di Pertua KPPR LLN., Saudara A. Ambikaipaker dalam ucapannya telah merakamkan rasa bangga beliau kerana KPPR telah diberi penghormatan dan kepercayaan oleh Kesatuan-Kesatuan Gabungan P.S.I. di Malaysia untuk menganjurkan Seminar ini. Dalam pesanan beliau, kakitangan Awam telah menjadi sasaran dari selaran dan keritikan yang bertalu-talu dari pihak orang ramai dan beliau seterusnya mengajak para peserta membuat penelitian dan perlunya kita memulihkan semula maruah kita ini.

Persidangan Rantau Asia dan Pacific Yang Ke-enam

Persidangan ini telah diadakan pada 21-11-1984 hingga 24-11-1984 di Tokyo, Jepun dan telah dihadiri oleh kesatuan-kesatuan gabungan P.S.I. di rantau Asia & Pacific.

Topik-Topik Perbincangan

“Hak-Hak Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam” ialah suatu topik yang kerap diperbincangkan dalam beberapa persidangan serantau P.S.I. di seluruh dunia. Bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai topik ini soalan-soalan telah diedarkan. 14 negara termasuk Malaysia telah menghantar kertas kerja masing-masing dan Lapuran adalah seperti berikut:—

Kebebasan Berkesatuan

Hak seseorang individu bagi menyertai Kesatuan sekerja dan bagi kesatuan itu bertindak dan mengelolakan hal-hal mereka dengan bebas adalah satu-satunya ciri asas kesatuan sekerja. Hak ini diberi berbeza antara suatu negeri dengan suatu negeri yang lain. Perbezaan ini berlaku kerana terdapat sistem perundangan, tradisi dan amalan yang berbeza di dalam negara-negara yang berkenaan. Walaupun demikian terdapat banyak kaum pekerja dari Perkhidmatan Awam di Asia tidak diberi hak untuk memasuki atau menubuhkan Kesatuan Sekerja. (Mithalnya di Thailand, Indonesia dan Philippines). Tambahan lagi, di negara-negara yang pekerjanya di benarkan menubuh dan memasuki kesatuan, terdapat pula sekatan-sekatan dan syarat-syarat dalam perundangan negara itu untuk membenarkan mereka bertindak sebagai suatu badan yang bebas. Beberapa jabatan dalam Perkhidmatan Awam telah disenaraikan sebagai perkhidmatan-perkhidmatan penting.

Perlindungan Dari Campurtangan Majikan Dalam Kesatuan Sekerja

Delegasi-delegasi Malaysia menyatakan bahawa, Akta Perhubungan Perusahaan dan Odinan Kesatuan Sekerja mempunyai peruntukan yang cukup bagi menyekat campurtangan dari pihak majikan. Walaupun demikian terdapat pencerobohan di sana-sini, tetapi tidaklah sampai ke tahap yang membimbangkan.

“Dasar Pandang ke Timur” ialah suatu topik yang kerap di bahaskan. Hampir kesemua delegasi dari negara tuan rumah (Jepun) mencela dasar ini kerana mereka menganggap dasar ini akan merugikan Malaysia.

Latihan-Latihan Attachmen Di Beberapa Firma Jepun

Seperti yang telah dijanjikan oleh Dato' Pengurus Besar semasa perasmian Persidangan Perwakilan yang lalu, Pihak Pengurusan telah menguruskan latihan-latihan di beberapa firma Jepun.

Rombongan LLN telah diketuai oleh Pegawai Perhubungan Perusahaan, Encik Johari Abd. Aziz dan wakil KPPR adalah mereka yang telah menjadi delegasi ke persidangan P.S.I. rantau Asia.

Selain dari mempelajari sistem pentadbiran di firma-firma Jepun yang dilawati, delegasi dari KPPR juga dapat kesempatan bertemu dan bertukar-tukar pendapat dengan kesatuan pekerja dari EPDC Labour Union dan The Federation of Electric Power Workers Union Tokyo.

Firma-Firma yang dilawati ialah IHI (Ishi Kawajima – Harima Heavy Industries) Yokohama dan Mitsubishi Heavy Industries, Nagasaki.

18. Kongress Seduna Perkhidmatan Awam Antarabangsa Yang Ke 23

Kongress ini telah diadakan di Caracas, Venezuela pada 25-11-1985. Hasil dari Seminar yang telah diadakan sebelumnya di Kelab Kilat pada 3-11-1985 dan 4-11-1985 dan dari hasil kutipan-kutipan iklan buku cenderamata seminar ini, KPPR telah dapat menghantar 5 orang peserta ke Kongress ini.

Kongress yang ke 23 ini merupakan Kongress yang terbesar pernah diadakan oleh pihak P.S.I. dengan kehadiran lebih dari 900 peserta. Presiden P.S.I. Encik Heinz Kluncker dalam ucapan pembukaannya menyarankan bahawa P.S.I. telah meneruskan komitmen pertubuhan ini dengan lebih giat berjuang demi mempertahankan hak-hak asasi manusia, hak kesatuan sekerja yang tulen dan keadilan sosial.

82 resolusi telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja dan ahli-ahli gabungan dari seluruh dunia dan antara yang paling hangat di bincangkan ialah Pengswastaan, Teknologi Baru, Hak dan peluang yang sama, Tabung Kewangan Antarabangsa, Campur Tangan Amerika Syarikat Dalam Negara-Negara Amerika Tengah dan Latin, Pengangguran, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, kemerdekaan New Caledonia d.s.b.nya.

Dasar Ekonomi dan Pembangunan Dunia Bebas telah mendapat kritikan yang kuat. Terdapat beberapa Negara Amerika Latin dan negara-negara membangun yang lain terpaksa mengurangkan perbelanjaan sosial dan program-program kebaikan negara-negara yang berkenaan disebabkan oleh perubahan syarat-syarat meminjam Tabung Kewangan Antarabangsa (I.M.F.). Hutang luar yang besar dan kesulitan dialami oleh negara berkenaan untuk membayar balik hutang ini telah menyebabkan Kerajaan memotong perbelanjaan negara, justru itu membebankan rakyat dan kaum pekerja. Ekoran dari ini maka timbul dasar seperti *Pengswastaan di negara berkenaan yang mana telah menjelaskan kedudukan kaum pekerja, khususnya mereka dalam perkhidmatan Awam.*

Resolusi mengenai APARTHEID telah dibincangkan dengan hangatnya dan diluluskan oleh Kongress dengan sebulat suara. Bagi memperhebatkan kempen anti apartheid suatu tabung khas telah diujudkan dan sejumlah U.S.\$32,000.00 telah terkumpul.

Resolusi "Hak Asasi Manusia Dan Kesatuan Sekerja" juga telah mendapat perhatian yang serious. Kempen-Kempen mengejarnya atas kelolaan pihak P.S.I. di Afrika Selatan, Chile dan Turkey telah menjadi fokus dunia. Pencerobohan ini juga terdapat di negara-negara lain seperti pengharaman Kesatuan Sekerja GCHQ dari United Kingdom peserta menyuarakan keimbangan mereka atas implikasinya. Pengharaman ini mungkin menular ke negara mereka dan juga menjelaskan hak asasi Kesatuan Sekerja di masa yang akan datang.

19. Pendidikan Kesatuan Sekerja 24-3-1986 – 26-3-1986

Pihak Pengurusan LLN telah mengeluarkan skim-skim perkhidmatan yang baru untuk kakitangannya. Dalam Skim baru ini, kakitangan terpaksa mengambil beberapa peperiksaan yang mana sukatan-sukatan peperiksaan telah dikeluarkan bagi tujuan ini.

Untuk memberi pendekatan ahli-ahli terhadap sukatan ini dan juga untuk memberi pendedahan, ahli-ahli baru terhadap kesatuan. Suatu Seminar 3 hari pada 24-3-1986 hingga 26-3-1986 telah di anjurkan di Ibu Pejabat LLN dan telah dihadiri oleh 47 orang peserta.

Tajuk-tajuk seminar adalah:-

- (1) Perhubungan Perusahaan dan Odinan Kesatuan Sekerja.
- (2) Sukatan peperiksaan perkhidmatan perkeranian.
- (3) Perhubungan Awam.
- (4) Akta Letrik 1949 – Keadah Kelakuan dan tata tertib.
- (5) Majlis Bersama Jabatan.
- (6) Peranan dan Objektif KPPR.
- (7) Undang-undang Kesatuan Sekerja.

20. Seminar MTUC – AAFLI – Keselamatan Dan Kesihatan

Seminar yang dianjur oleh MTUC dengan Kerjasama AAFLI ini telah diadakan di Pusat Pelajaran Pekerja MTUC pada 14-1-86 – 16-1-1986 (English) dan 23-1-1986 – 25-1-1986 (B.M.) dan telah diikuti oleh 2 orang peserta dari KPPR iaitu En. Zainal Hj. Omar dan Encik Ahmad Zaki Rashid.

Topik-topik perbincangan adalah berkisar dalam soal keselamatan dan kesihatan pekerjaan.


Kawalan, perlindungan dan perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan telah menjadi fokus utama Seminar ini. Selain dari itu peserta Seminar juga telah diberi pendedahan dengan mengikuti syarahan-syarahan mengenai PERKESO, pengcegahan kebakaran dan pertolongan cemas.

Penghargaan

Majlis Jawatankuasa Kerja ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan ikhlas dan ucapan terima kasih kepada:

- (1) Pengurus Besar Lembaga Letrik Negara.
- (2) Badan Pengurusan LLN di atas sumbangan terhadap mewujudkan dan penyebaran perhubungan harmoni dengan kesatuan khususnya Jabatan Perhubungan Perusahaan.
- (3) Kesatuan kesatuan seorganisasi dalam LLN di atas kerjasama mereka.
- (4) Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

- (5) Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).
- (6) Akhbar-Akhbar Tempatan.
- (7) Sistem Telivesyen (M) Bhd. (TV 3).
- (8) Kesatuan-kesatuan lain dan sumbangan individu dalam membantu perjalanan urusan KPPR.

A handwritten signature in black ink, enclosed in an oval. The signature reads "P. Jarnail Singh".

(P. JARNAIL SINGH)
Setiausaha Agung.

KESATUAN PEGAWAI PEGAWAI RENDAH LEMBAGA LETRIK NEGARA

**Minit Mesyuarat Persidangan Perwakilan Duatahunan
Yang Ke 4, Kesatuan Pegawai-Pegawai Rendah L.L.N.
yang telah diadakan pada 6hb. Oktober 1984 –
Di Hotel SEA, Kuala Lumpur.**

121 Perwakilan, 73 Ahli Majlis Kerja dan 8 pemerhati di-samping tetamu jemputan dan tetamu khas Encik T. Narendran dan Pengurus Besar LLN Encik Mohd Jalaluddin bin Zainuddin telah hadir dalam persidangan ini.

Pengerusi Persidangan ialah Encik A. Ambikaipaker.

Sessi pembukaan persidangan ini telah di mulai pada pukul 9.00 pagi dengan Naib Yang Di Pertua, Encik Zainal Omar meng-alu-alukan kehadiran tetamu-tetamu, para perwakilan ahli-ahli Majlis Kerja dan para pemerhati, ke persidangan ini dan menjumput Pengerusi Persidangan Encik A. Ambikaipaker untuk memberi ucapan beliau.

Ucapan oleh Yang Di Pertua

Saya dengan bangganya mengalu-alukan kehadiran Encik Mahd. Jalaluddin bin Zainuddin, Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besar LLN., Encik Ibak Hj. Hussein, Timb. Pengurus Besar LLN., Encik T. Narendran, para jemputan dan semua perwakilan dan pemerhati ke persidangan Duatahunan yang Ke 4 KPPR.LLN.

Sekali lagi, sampailah masanya kita mengkaji rekod-rekod yang lalu dan merancang aktiviti-aktiviti untuk dua tahun yang akan datang. Dua tahun yang lalu adalah suatu tempoh yang mencabar bagi kita.

Pengurus Besar Yang Baru

Di pihak pengurusan, kita mempunyai Pengurus Besar yang baru, dan kami telah mula merasai tiupan angin-angin perubahan. Tuan-tuan dan puan-puan tentu ingin mengetahui, bahawa Pengurus Besar kita ini bukan orang asing kepada kesatuan-kesatuan dalam badan-badan berkanun kerana pada suatu ketika dahulu beliau telah mengetuainya sebagai seorang Pengerusi. Saya harap Encik

